



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (InnoSTRE)

ReQasari Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Majlis Anugerah Dekan

Diadakan oleh:
Levina Andrew
Zalina Bt Ibrahim
Muhammad Hamiz @ Harrison Tema
Azang Faisal Azang Ibrahim

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak telah menjayakan Majlis Anugerah Dekan pada 7 Januari 2023 bertempat di Penview Convention Centre, Damak, Kuching. Majlis ini diadakan untuk meraikan 601 orang pelajar fakulti yang telah berjaya mendapat keputusan yang cemerlang pada semester Mac hingga Julai 2022.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Profesor Madya Ts ChM Dr. Mohamad Isa bin Mohamad, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa, UiTM Cawangan Sarawak mewakili Rektor UiTM Cawangan Sarawak. Antara pengisian program adalah sesi perkongsian "Tradisi Kecemerlangan Memberi Inspirasi Abadi" yang disampaikan oleh Encik Ahmad Faisal Bin Mahdi, Pensyarah Kanan, ucapan alu-aluan oleh Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, jamuan makan malam, persembahan nyanyian oleh para pelajar, sesi cabutan tiket bertuah, dan sesi penyampaian sijil kepada penerima Anugerah Dekan.

Kemuncak bagi majlis ini ialah penyampaian Anugerah Pelajar Terbaik dari setiap program yang mana kesemua persatuan pelajar (IBIZ, BAFIN, MARKETEERS, BOSS & OMSAR) yang telah memilih penerima anugerah dan menaja hadiah-hadiah tersebut. Berikut adalah senarai penerima bagi anugerah ini:

- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pentadbiran Antarabangsa (BA246)
 1. Nur Zafika Binti Daniel (2021816896)
 2. Dave Selentino Anak Wilson (2021480382)
- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Kewangan (BA242)
 1. Debney Wilfred J Modoit (2020988211)
 2. Norsyamimi Binti Yusof @ Damak (2020449388)
- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pemasaran (BA240)
 1. Teddius Jerico Anak Daru (2021155755)
 2. Mohd Noor Ezam Bin Razali (2021113867)
- Sarjana Muda Pengurusan Sistem Pejabat (BA232)
 1. Audrey Changak Anak Sangin (2021100651)
 2. Jennifer Lawai (202114805)
- Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat (BA118)
 1. Rabiatal Adawiyah Norehan (2020894818)
 2. Nur Umairah Mohamad (2020296576)

Dengan tema "Tradisi Kecemerlangan, Memberi Inspirasi Abadi", semangat kecemerlangan dan keberanian untuk menyerlah telah ditunjukkan melalui persembahan-persembahan yang memukau hadirin pada majlis tersebut.

Pihak penganjur mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Sarawak atas sokongan yang berterusan terhadap program-program yang dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan dan Perniagaan.

